

Eksport Getah Asli Pada Disember Meningkat 14.9 Peratus Kepada 74,749 Tan Metrik
Bernama
14 Februari, 2013

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Eksport getah asli pada Disember tahun lepas meningkat 14.9 peratus kepada 74,749 tan metrik daripada 65,043 tan metrik pada November tahun yang sama, kata Jabatan Perangkaan Malaysia.

Getah asli dieksport terutamanya ke China (44.6 peratus), diikuti oleh Jerman (14.7 peratus), Iran (5.7 peratus), Brazil (3.7 peratus), Korea (3.3 peratus), Amerika Syarikat (2.9 peratus), Portugal (2.4 peratus) dan United Kingdom (1.9 peratus).

Import getah asli pada Disember susut 9.9 peratus kepada 83,248 tan metrik daripada 92,361 tan metrik yang dicatatkan pada November.

Kebanyakan import ini adalah dari Thailand (50.7 peratus) dan Vietnam (24.5 peratus), yang menyumbang 75.2 peratus daripada keseluruhan import.

Pengeluaran pada bulan Disember meningkat 1.4 peratus kepada 76,263 tan metrik daripada 75,224 tan metrik pada November 2012.

Bagaimanapun, pengeluaran susut 4.3 peratus berbanding Disember 2011.

Penggunaan domestik getah asli pada Disember 2012 yang dicatat sebanyak 37,866 tan metrik menunjukkan peningkatan sebanyak 254 tan metrik (+0.7 peratus) daripada sebulan lepas dan 3,963 tan metrik (+11.7 peratus) daripada setahun lepas.

Industri terbesar yang mengguna getah asli adalah industri sarung tangan dengan jumlah sebanyak 26,303 tan metrik (69.5 peratus), diikuti oleh benang getah (9.1 peratus) dan tayar & tiub (6.2 peratus).

Paras stok getah asli dicatat sebanyak 169,188 tan metrik pada akhir Disember 2012, meningkat 4.4 peratus daripada 162,150 tan metrik yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=927884>